

UNSUR JAWA DALAM SYAIR CENDAWAN PUTIH ADANYA
(JAVANESE ELEMENTS IN SYAIR CENDAWAN PUTIH ADANYA)

Rosnani Ibrahim

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Shaiful Bahri Md. Radzi

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Zuraidah Hassan

Fakulti Sains Sosial,
Universiti Islam Melaka

**Corresponding Author's Email: rosnanie74@gmail.com*

Article History:

Received : 22 October 2024

Revised : 30 December 2024

Published : 31 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Ibrahim, R., Radzi, S.B,M, Hassan,Z. (2024). Unsur Jawa dalam Syair Cendawan Putih Adanya. *Jurnal Tuah*, 5(1), 15-32.

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan *Syair Cendawan Putih Adanya* dalam bentuk teks yang bercetak dalam tulisan jawi yang bertulis tangan tersimpan di Perpustakaan Tun Sri Lanang di Koleksi Asia Tenggara, bernombor PL 5178.2 C4 S9. Naskhah ini turut ditemukan di pusat pengajian tinggi dalam dan luar negara. Terdapat empat versi berbeza ditemukan terhadap naskhah ini. Teks -teks naskhah ini terdapat di Universiti Malaya (PL 5117.1), Universiti Sains Malaysia (PL 5117.2.C3.1950m), di Universiti Brunei Darusalam (PL5132 S936) dan di Murdoch University Australia (899.22319 C 3951). Kajian ini ditumpukan khusus ke atas sejarah atau latar belakang teks. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan filologi. Penekunan dari sudut kodikologi dilakukan untuk membantu pencarian dalam usaha menemukan sejarah naskhah. Walaupun syair ini tersenarai dalam katalog koleksi Melayu namun rincian berhubung teks ini tidak

dihuraikan. Sebaliknya hanya menyatakan bahawa naskhah ini diterbitkan di Singapura oleh Syarikat Sulaiman Masri tanpa dituliskan tahunnya dengan tepat. Justeru, berlandaskan ilmu filologi dalam penekunan aspek kodikologi pengkajian ke atas naskah dilakukan dari sudut bentuk tulisan, ukuran naskah, umur naskah. Hasil kajian menemukan sejarah naskah ini dari aspek keadaan naskah, bentuk naskah, seni hias naskah serta pengarang dan penyalin naskah ini. Kajian dapat menjelaskan bahawa teks syair ini dikarang oleh orang Melayu biarpun isian teks bercirikan kejawaan. Kajian ini dapat memberi sumbangan untuk menambakkayakan lagi khazanah karya kesusasteraan dan membantu mengetengahkan kepada khalayak untuk menjadi sebahagian daripada bahan bacaan. Secara tidak langsung satu usaha untuk melestarikan warisan budaya bangsa.

Kata kunci: Versi, kodikologi, filologi, seni hias dan penyalin naskah

ABSTRACT

This study discussed Syair Cendawan Puteh Adanya in the form of a text printed in a handwritten Jawi, stored in the Tun Sri Lanang Library in the Southeast Asia Collection, numbered PL 5178.2 C4 S9. This manuscript is also found in higher education centers both locally and abroad. There are four different versions of this manuscript. The texts of this manuscript can be found at the University of Malaya (PL 5117.1), the University of Science, Malaysia (PL 5117.2.C3.1950m), the University of Brunei Darussalam (PL5132 S936), and Murdoch University, Australia (899.22319 C 3951). This study specifically focused on the text's history or background. This study applied a philological approach. Research in the form of a codicological point of view helped the search to find the manuscript's history. Although this poem is listed in the catalog of Malay collections, the details regarding this text were not explained. Instead, it only stated that this manuscript was published in Singapore by the Sulaiman Masri Company without writing the exact year. Therefore, based on philological knowledge in the research of the codicological aspect, the study of the manuscript was done from the point of view of the form of writing, the size of the manuscripts, and the age of the manuscripts. The results of the study found the manuscript history from the manuscript condition, manuscript form, decorative art of the manuscript, as well as the author and copyist of this manuscript. The study explained that the poem text was composed by Malays even though the content of the text had Javanese characteristics. This study could contribute to further enriching the treasure of literary works and helped highlight the manuscript to the audience as a part of the reading material. Indirectly, it is an effort to preserve the nation's cultural heritage.

Keywords: *Versions, codicology, philology, decorative arts and manuscript copyists*

1.0 PENDAHULUAN

Syair Cendawan Putih Adanya ini sarat dengan pemaparan nilai pengajaran moral dan kemampuan daya cipta bentuknya. Nilai pengajaran moral itu diadaptasikan pada watak-wataknya melalui tindakan, dialog dan kesan perwatakan yang menonjol. Ditambah lagi cara penyampaiannya dalam bentuk puisi dengan bersyair menjelmakan bukan sahaja keindahan dari sudut bahasanya tetapi juga unsur bunyi yang seirama, juga sukatan seimbang dari aspek suku kata dan perkataannya. Dua faktor inilah yang dapat disimpulkan bahawa syair ini mengalami satu popularitinya hingga membawa kepada beberapa bentuk tranformasi yang telah diprosakan dan didramakan. Melalui nakshah ini juga jelas menjelmakan kehebatan bukan sahaja pemikiran pemiliknya tetapi juga keintelektualan penciptaan karya itu sendiri.

Unsur-unsur Jawa begitu dominan dalam karya *Syair Cendawan Putih Adanya*. Dominannya unsur Jawa kerana karya ini sememangnya sebuah syair hikayat panji yang asalnya dari Jawa. Binaan cerita memperlihatkan betapa kuatnya unsur Jawa tersebut yang meliputi penamaan watak, gubahan latar, bahasa dan sistem nilai yang diterapkan pengarang dalam menggubah karya ini. Unsur Jawa bukan sahaja penggunaan kata dalam bahasa Jawa malah, diperutuh dengan unsur-unsur Jawa baik yang meliputi nama watak utama dan sampingan, latar tempat dan masyarakat. Begitu juga dengan aspek nilainya, yang dipertonton melalui nilai etika, stratifikasi sosial, kebersamaan, ethok-ethok dan Citra Bima. Tegasnya karya ini tidak keterlaluan jika dikatakan begitu kuat aroma kejawaannya.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan berorintasikan metodologi filologi. Penekunan dari aspek kodikologi dilakukan untuk membantu pencarian dalam usaha menemukan sejarah naskhah. Berlandaskan ilmu filologi dalam penekunan aspek kodikologi pengkajian ke atas naskahah dilakukan dari sudut bentuk tulisan, ukuran naskah, umur naskhah. Hasil kajian menemukan sejarah naskhah ini dari aspek keadaan naskhah, bentuk naskhah, seni hias naskhah serta pengarang dan penyalin naskhah ini.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini merupakan satu usaha untuk melestarikan warisan budaya bangsa daripada terus terbenam dan lusuh dimamah waktu di tempat penyimpanannya tanpa sebarang usaha untuk membongkar, meneliti serta melakukan pengkajian. Justeru itu, adalah menjadi tugas para sarjana yang berkecimpung dalam arena Persuratan Melayu khususnya untuk menyelongkar khazanah berharga ini. Baik dari segi usaha untuk mengetengahkannya kepada khalayak dengan mentransliterasikan kepada sistem ejaan terkini, apatah lagi jika mencungkil seribu satu ilmu bermanfaat buat tatapan pembaca. Bangsa penjajah menjadikan khazanah warisan budaya bangsa kita ini sebagai satu jambatan bagi mereka untuk melakukan proses imprealisme. Tuntasnya, kebijaksanaan pemikiran bangsa kita terserlah melalui hasil khazanah ini lalu dimanfaatkan oleh penjajah.

Pernyataan ini diperkukuh dengan pandangan Siti Mariani S.M.Omar (2002: 21):

Walau pun kita kini telah melangkah ke alaf baru dengan teknologi yang serba canggih, namun warisan minda Melayu yang terakam dalam bentuk tulisan lama ini tidak seharusnya dipinggirkan dan dianggap tidak relevan sebagai bahan kajian malah seharusnya diberi perhatian yang seimbang dari generasi hari ini dan akan datang. Manuskrip yang diwarisi merupakan khazanah ilmu yang penting dan perlu dikaji bagi mencungkil permata yang terpendam. Manuskrip-manuskrip ini adalah manifestasi keagungan minda dan peradaban Melayu.

Selain itu, kajian ini juga bersifat kritikan untuk memberi penetapan secara jelas akan kedudukan, kelompok dan pengkategorian *Syair Cendawan Putih Adanya* ini. Memandangkan syair ini seolah-olah dibiarkan teroleng-oleng kedudukannya, malah ia juga berada dalam banyak kategori. Terdapat pendapat yang mengatakan syair ini dalam kelompok lipur lara, panji malah terdapat pendapat yang mengatakan ia berada dalam dunianya yang tersendiri iaitu dalam gabungan antara lipur-lara juga panji. Hal inilah yang ditakuti oleh Siti Hawa Haji Salleh (1997: 211) kerana katanya ketiadaan satu penetapan secara jelas jenis dan genre menggalakkan peneliti atau pengkaji sastera membuat pembahagian yang berbeza-beza berasaskan keperluan masing-masing. Lalu berlakulah percampurbauran, kecelaruan, tidak tepat kerana masing-masing berlandaskan bentuk penulisan, tujuan, dan motif tersendiri.

4.0 PERBINCANGAN

Syair Cendawan Putih Adanya ini mempunyai empat versi bebeza. Di Universiti kebangsaan Malaysia (PL 5178.2 C4S9), Universiti Sains Malaysia (PL 5117.2.C3.1950m), Perpustakaan Negara Malaysia (899.2323s), Arkib Negara (0034336) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (23035) mempunyai 75 halaman. Sebaliknya naskhah di Murdoch University, Australia (899.22319.C 39510) pula mengandungi 85 muka surat dan di Universiti Brunei Darussalam (PL 5132 S936) hanya mengandungi 73 halaman sahaja. Di Universiti Malaya pula ditemui dua naskhah yang mempunyai jumlah muka surat berbeza iaitu 75 muka surat (PL 5117.1. CP 82800) dan 79 muka surat (PL 5117.1 CP424800).

UNSUR JAWA, PENYAMARAN DAN INKARNASI

4.1 PENGENALAN

Syair Cendawan Putih Adanya memapar cerita kehebatan dan kesaktian yang dimiliki wiranya putera raja Jawa, Raden Panji Kusuma Ningrat. Kehebatan dan kesaktiannya itu telah diramal sedari awal ketika kelahirannya memberikan pelbagai petanda keajaiban. Keadaan ini membuatkan kasih sayang ayahanda baginda tertumpah kepadanya. Biarpun begitu, situasi ini melahirkan kedengian abang tirinya Raden Panji Kusuma Wati lalu memfitnahnya dengan menyatakan bahawa Raden Panji Kusuma Ningrat bakal mencipta bala melapetaka besar dan sewajarnya ia perlu dinyahkan dari istana juga negara.

Bermula dari episod itu Raden Panji Kusuma Ningrat terbang dari istana bersama bondanya Indera Maya dan cerita ini dikembangkan selanjutnya.

Dalam mengembangkan perjalanan cerita ini, pengarang menggabungkan pelbagai teknik plot lalu terceralah pertemuan, percintaan, perpisahan, pengorbanan juga penyamaran dan inkarnasi. Penyamaran dan inkarnasi adalah antara yang menjadi elemen besar yang jelas melingkari teks syair ini. Justeru itu, dua elemen inilah yang menjadi dasar bahawa karya *Syair Cendawan Putih Adanya* wajar dikategorikan sebagai karya panji. Ditambah pula seiring dengan pengembangan cerita yang mencerap pelbagai teknik plot itu teks syair ini dipersembahkan pula dalam bahasa Jawa malah, diperutuh dengan unsur-unsur Jawa baik dari aspek bahasanya yang meliputi nama watak utama dan sampingan, latar tempat dan masyarakat. Begitu juga dengan aspek nilainya, yang dipertojol melalui nilai etika, stratifikasi sosial, kebersamaan, ethok-ethok dan Citra Bima. Tegasnya karya ini tidak keterlaluan jika dikatakan begitu kuat aroma kejawaannya.

4.2 UNSUR JAWA

Unsur-unsur Jawa begitu dominan dalam karya *Syair Cendawan Putih Adanya*. Dominannya unsur Jawa kerana karya ini sememangnya sebuah syair hikayat panji yang asalnya dari Jawa. Binaan cerita memperlihatkan betapa kuatnya unsur Jawa tersebut yang meliputi penamaan watak, gubahan latar, bahasa dan sistem nilai yang diterapkan pengarang dalam mengubah karya ini.

4.2.1 Penamaan watak

Unsur Jawa jelas terlihat dalam pemakaian nama watak, baik pada nama watak utama, mahupun juga pada watak pembantu dan watak pengiringnya. Begitu juga dengan penggunaan gelaran pangkat dan kedudukan. Unsur Jawa pada nama pelaku dalam konteks watak utama ialah pada penggunaan kata 'Panji'. Terdapat tiga watak yang menggunakan pangkal nama panji iaitu dua pada watak protagonisnya Raden Panji Kusuma Ningrat dan Raden Panji Dewa, manakala pada watak antagonisnya ialah Raden Panji Kusuma Wati. Menurut Abd Rahman Kaeh (1989: 18) 'panji' itu adalah 'apanji' yang asalnya dari perkataan Jawa kuno yang diertikan sebagai "bijnaam" yang bermaksud nama gelaran atau nama keluarga dan ia adalah gelaran yang berkait erat dengan golongan atau kerabat diraja Majapahit. Bagi Poerbatjaraka (1968:XVII), pula, 'panji' itu berkaitan dengan keturunan raja-raja Jawa. Berasaskan pandangan dan pendapat ini membuktikan gelaran panji itu adalah cerapan dari Jawa dan bermakna karya ini berunsurkan Jawa.

Begitu juga dengan gelaran 'Raden' yang digunakan pada tiga watak yang dinyatakan di atas. 'Raden' diertikan dalam *Ensiklopedi Sunda* (2000: 536), adalah gelaran tradisional bagi masyarakat Jawa yang digunakan secara turun-temurun menurut garis keturunan lelaki. Berdasarkan *Kamus Lengkap Bahasa Jawa* (2002: 486) pula, 'Raden' membawa erti sebutan untuk keturunan raja. *Kamus Jawa Kuno-Indonesia* (1978: 455) mendefinisikan 'Raden' disebut juga sebagai 'arya' iaitu gelaran tertinggi pegawai kerajaan. Perkataan ini dikategorikan sebagai perkataan karma dan karma

ngoko iaitu perkataan yang dijelaskan oleh Maryono Dwiraharju (2001: vii) iaitu satu tingkat bahasa Jawa yang mencerminkan rasa hormat penutur terhadap orang yang dilawan bertutur. Maryono Dwiraharju (2002: 382-383) juga mengatakan bahawa penggunaan ‘Raden’ ini juga perlu dilihat kepada panggilan selepasnya. Hal ini kerana panggilan ‘Gusti Raden Mas’ contohnya menunjukkan gelaran putera keturunan raja dari selir¹, manakala Gusti Raden Anjeng pula gelaran puteri raja dari keturunan yang sama. Jika Raden Mas atau Raden Anjeng sahaja merujuk kepada cicit lelaki dan perempuan raja. Penggunaan ‘Raden’ pada nama watak-watak yang dibincangkan dalam karya ini mengaplikasikan perkataan Panji dan ini bermakna nama watak-watak ini sudah membuktikan mereka adalah berketurunan raja dari isteri yang sah bukan dari gundik. Lebih mudah jika dikatakan bahawa ketiga-tiga anak raja ini adalah anak gahara.

Dua watak itu pula ditambah dengan kata ‘Kusuma’ iaitu pada nama Raden Panji Kusuma Ningrat dan Raden Panji Kusuma Wati. Berdasarkan *Kamus Bausastra Jawa-Indonesia* (1981: 281) perkataan ‘Kusuma’ adalah perkataan asal bahasa Sanskrit dari tulisan kawi yang bermakna sebagai ‘bunga’ atau ‘pohon’ yang berbunga harum. Selain itu, jika merujuk kepada makna nama yang dikombinasikan dengan ‘Kusuma’ adalah mereka yang berketurunan atau berdarah bangsawan. Seandainya untuk perempuan yang digabungkan nama dengan ‘Kusuma’ bermakna ia merujuk puteri dari golongan bangsawan Jawa yang memiliki kecantikan yang tiada tandingnya. Begitu juga dengan lelaki ia bermakna putera dari golongan bangsawan yang memiliki ketampanan, kehebatan dan kekuatan atau sesempurna mungkin. Menyelusuri dari *Kamus Bausastra Jawa-Indonesia* (1981: 404), ‘Ningrat’ juga dimaksudkan sebagai para bangsawan. Tegasnya nama watak utama ini, Raden Panji Kusuma Ningrat jelas membuktikan namanya sudah menterjemahkan peribadinya secara tidak langsung. Anak raja Jawa berketurunan gahara yang bukan sahaja berperibadi mulia tetapi juga memiliki pelbagai kelebihan dan ternyata cerita yang dikembangkan pada watak ini jelas menyokong kesesuaian namanya itu. Penamaan Raden Panji Kusuma Wati juga menggambarkan sikap watak ini. Hal ini kerana perkataan ‘Wati’ menurut *Kamus Jawa Kuno-Indonesia* (1995: 1402) bermakna sebagai angin. Jika melihat kepada watak Raden Panji Kusuma Wati juga membuktikan sikapnya yang mudah berubah-ubah. Adakalanya watak ini menyesali perbuatan jahat² yang dilakukan terhadap adiknya Raden Panji Kusuma Ningrat, namun tiba waktu merasakan dirinya mempunyai kekurangan sekali lagi perbuatan khianat itu diulang.³

Selain nama ‘Panji’ dan ‘Raden’, terdapat juga penggunaan nama ‘Ratna’ yang digunakan dalam beberapa watak seperti Ratna Sari, Dewi Ratna dan Ratna Gemala. Menurut *Kamus Bahasa Indonesia-Bali* (2001: 167) dan *Kamus Jawa Indonesia* (2003: 299) perkataan ‘Ratna’ bermaksud mutu manikam, emas atau intan serta puteri yang memiliki kecantikan. Perkataan ini adalah asal bahasa Jawa kuno. Berdasarkan permaknaan ini dapatlah disimpulkan bahawa ‘Ratna’ itu merujuk kepada puteri raja yang memiliki kecantikan rupa paras yang tiada tandingnya dan diumpamakan laksana

¹ “Selir” bermaksud keturunan dari gundik atau isteri yang tidak sah.

² Lihat bab tiga rangkap 377 hingga 392.

³ Lihat bab tiga rangkap 454 hingga 505.

emas, manikam dan intan. Ternyata benar dan tepat pernyataan P.J. Zoetmulder (1983: 269) menjelaskan penyair-penyair Jawa memanasikan kata-kata yang puitis dalam syair mereka dengan menjadikan unsur dari alam semesta. Tiga watak puteri yang menggunakan nama Ratna dalam syair ini, sememangnya watak-watak berkenaan adalah golongan puteri-puteri raja yang digambarkan memiliki kecantikan dan peribadi yang mulia seolah-olah sinonim dengan gambaran emas, intan dan manikam. Galian yang bukan sahaja berharga tetapi juga memiliki keindahan yang tiada tandingnya. Selain itu, andai galian berharga ini dimiliki oleh seseorang, secara tidak langsung meletakkannya dalam kalangan golongan berkedudukan tinggi. Jelas bahawa melalui nama-nama watak yang dibincangkan, pengarang syair ini seolah-olah berhati-hati dengan pemilihan nama wataknya agar ia dapat disesuaikan dengan jalan cerita.

Elok majlis tiada terperi
Sukar standing seluruh negeri
Anak perempuan seorang diri
Namanya Puteri Ratna Sari. (r. 228).

Penggunaan nama watak 'Perabu' pula membawa makna raja⁴ atau panggilan kepada raja. Dua watak yang menggunakan nama ini ialah Nila Perabu dan Laila Perabu. Nila Perabu merupakan ayahanda Puteri Dewa Melur yang merupakan pemerintah atau raja peri di Gunung Halia. Laila Perabu pula tunang kepada Puteri Dewa Melur. Menurut *Kamus Jawa-Kuna Indonesia* (2000:386), Indera merujuk kepada makna raja atau pemerintah di angkasa atau kayangan. Nama watak-watak yang menggunakan kata Indera dalam syair ini antaranya ialah Berma Indera dan Syah Indera Berma Raja Sakti, Belia Indera, Mambang Indera, Indera Maya, Syah Dewa Alam Seri Indera, dan Berma Indera. Ternyata watak-watak yang disenaraikan ini memegang watak sebagai pemerintah alam peri atau jin. Beberapa nama watak-watak lain seperti Gemala Sari, Palinggam Cahaya, Mambang Kaca Merata, Dewa Syahfari, Dewa Syams, Paksi Dewa, Dewa Melur, Raja Penaku Dewa, Agung Perdana, Kencana Wati, Raja Purtin dan Cahaya Khairani Intan Mastika yang digunakan dalam watak-watak syair ini membuktikan bahawa begitu jelas unsur Jawa yang bukan sahaja mempunyai makna dan erti tetapi berpadanan dengan cerita hikayat ini.

Tegasnya pelaku atau watak-watak dalam cerita-cerita panji rata-ratanya menggunakan nama Jawa baik nama samaran mahupun nama gelaran. Tiada satu pun nama yang biasa ditemui dalam cerita-cerita bukan panji seperti Malim Deman dalam cerita *Hikayat Malim Deman* atau Puteri Renik Jantan dalam *Hikayat Seri Rama*. Selain itu, nama-nama watak yang dibicarakan di atas mempunyai persamaan dengan nama-nama watak dalam cerita-cerita panji biarpun tidak serupa sepenuhnya namun ada persamaan itu. Contohnya dalam *Hikayat Panji Semirang*, nama watak-wataknya seperti Mahadewi, Dewata, Sedayu, Nila Wati, Gandasari, Kusuma Wati, Puspa Ningrat dan Puspa Sari.

⁴ Lihat *Kamus Jawa Indoensia*, 2003, hlm 289.

Jika dilihat pada gelaran yang digunakan pada watak panakawan dalam syair ini terutama panakawan kera, juga jelas gelaran yang digunakan itu masih tebal unsur Jawanya. Hal ini kerana watak panakawan kera ini mempunyai dua nama samaran iaitu Laila Percanggi dan Agung Gilang Pahlawan.

Hulubalang agung pahlawan kera
Laila Percanggi digelar putera
Kemudian masuk ke dalam Negara
Terus mengadap Seri Betara. (r. 715)

Selain watak panakawan kera, terdapat juga watak penakawan daripada jenis burung iaitu burung merbah juga burung bayan. Burung bayan dan merbah tidak mempunyai nama gelaran, sebaliknya dikekalkan dengan panggilan jenis burung berkenaan iaitu bayan dan merbah. Penjelasan di sini dari sudut nama penakawan yang juga mempunyai persamaan dengan nama penakawan dalam cerita *Hikayat Panji Semirang* iaitu adanya Ken Bayan.

Nama pelaku dari sudut kedudukan dan pangkat juga dapat menjelaskan bahawa teks *Syair Cendawan Putih Adanya* mengaplikasi gelaran pangkat dari Jawa. Contohnya bagi gelaran raja atau pemerintah menggunakan Ratu, Sang Nata, Sri Bupati, Duli Telapakan, Seri Betara, Syah Alam Mahkota, Duli Seripada, Raja Laila, Seri Mahkot dan Raja Diindera. Bagi putera-putera raja pula digunakan gelaran Ratu Kusuma, Raden Kesilangan, Ratu Tera'la, Perbu Bangsawan, Panca Mahkota, Ratu Kencana dan Laila Mengindera. Para panglima dan hulubalangnya digelar Demang, Temenggung, Lang Lang Sari, Pahlawan, Setiawan, Mambang, Sri Pangeran, Penggawa, Pengalasan, Hulubalang Caga, Perakan dan Patih.

Dengan marahnya menghunus pedang
Lalu diparangnya muda yang cendang
Demang Temenggung sama meradang
Di belakang ratu ditikam ditendang. (r. 174).

4.2.2 Latar

Latar adalah gambaran tentang persekitaran dalam sesebuah cerita dan ia termasuklah latar masyarakat, tempat dan juga masa. Latar adalah antara elemen penting dalam usaha pengarang menghidupkan suasana dan jalan cerita dalam sesebuah cereka. Paparan latar berkait erat dengan struktur cerita seperti tema, plot, dan bahasanya.⁵ Kesuaian ketiga-tiga elemen ini dengan dengan latar bukan sahaja dapat memberi fahaman tetapi juga gambaran jelas terhadap khalayak pembacanya. Meninjau hal ini, teks *Syair Cendawan Putih Adanya* sebagai sebuah cerita hikayat panji ternyata turut mencerna ketiga-tiga

⁵ Lihat Abdul Razak Mohd. Kassim, 2008, (6).

bentuk latar yaitu latar tempat, masa dan masyarakat biarpun ia dipersembahkan dalam bentuk bukan naratif.

Oleh itu, kajian ini membicarakan tentang latar untuk mengukuhkan pembuktian bahawa syair ini sewajarnya harus dikelompokkan sebagai cerita hikayat berbentuk panji. Berbicara tentang latar tempat, cerita-cerita panji yang konvensional menyetengahkan sam ada empat, tiga atau dua dari latar tempat iaitu Daha, Singasari, Gegelang dan Kuripan. Penggunaan latar tempat inilah yang dikatakan oleh Poerbatjaraka (1968:80) dan Noriah Mohamed (2005:37) dapat dijadikan kayu ukur bahawa sesebuah karya itu sebagai cerita panji. Biarpun begitu pernyataan ini dapat ditolak jika merujuk kepada pandangan Abd Rahman Kaeh yang menjelaskan penggunaan latar atau alur khas seperti itu "...kita masih belum dapat menarik satu kesimpulan yang utuh mengenai unsur penting yang harus ada dalam sebuah cerita panji" (1980:23). Oleh itu, tegasnya adalah wajar jika lebih melihat kepada keseratan unsur kejawaan itu sebagai pembuktian bahawa sesebuah cerita itu sebagai karya panji. Meninjau hal ini ke dalam teks *Syair Cendawan Putih Adanya* sememangnya tidak menjadikan empat nama kerajaan itu sebagai latar, namun teks ini masih memapar nama kerajaan di Jawa yang lain iaitu Tanjung Pura. Tanjung Pura⁶ diakui sejarah sebagai sebuah kerajaan tua atau pusat Kerajaan Lama Langkat Sumatera Utara yang wujud sekitar 1425.

Empat ratus negeri di bawah takluknya
Beberapa banyak pahlawan di bawahnya
Mendapatlah ia akan khabarnya
Di Tanjung Pura banyak rakyatnya. (r. 127).

Kotanya tebal sangatlah kukuh
Hulubalang pahlawan berani sungguh
Sang Nata mendengar negeri nin teguh
Memanggil patih tiada bertangguh. (r. 128).

Begitu juga dengan Melaka Pura, biarpun nama negeri ini lebih mirip kepada kerajaan Melayu Melaka di Tanah Melayu, namun jika menyelusuri sejarah kelahiran kerajaan Melayu Melaka ini, ia mempunyai kaitan erat dengan kerajaan Jawa di Sumatera itu. Hal ini merujuk kepada teks *Pengajian Malaysia* (2010: 9) sejarah kedatangan Parameswara bermula, apabila beliau melarikan diri dari kerajaan Majapahit, sebuah kerajaan yang menguasai kerajaan Jawa, Sumatera dan Kalimantan. Setelah melarikan diri dari Kerajaan Majapahit, beliau singgah dan memerintah di Temasik iaitu nama lama bagi Singapura setelah membunuh Temagi. Dari Singapura, Parameswara membuka Melaka dan setelah dua tahun di situ, ramai orang Jawa dari Sumatera berhijrah ke situ hingga penduduknya telah mencecah dua ribu orang ketika itu. Justeru melihat kaitan ini adalah tidak mustahil apabila latar tempat Melaka ini cuba diserupakan

⁶ Tanjung Pura terletak kira-kira 60 kilometer dari Kota Medan. Tanjung Pura dulunya terkenal bukan sahaja sebagai pusat pendidikan tetapi juga sebagai pusat budaya. Di sinilah lahirnya seorang budayawan dan karyawan juga penyair handalan Tengku Amir Hamzah.

dengan Kerajaan Tanjung Pura, lalu atas kekreatifan pengarang tambahan 'Pura' turut dikenakan ke atas Melaka lalu dijemakan menjadi Melaka Pura. Tambahan pula pemilihan nama watak raja Syah Dewa Alam Seri Indera dan puteri rajanya, Puteri Palinggam Cahaya dilihat lebih bersifat kehinduan seolah-olah cuba dimiripkan dengan keturunan Parameswara itu sendiri. Selain itu juga, Kerajaan Melaka Pura ini dilukiskan sebagai sebuah kerajaan yang menjadikan Islam sebagai landasan hidup.

Al-kisah tersebut suatu cetera
Raja negeri Melaka Pura
Syah Dewa Alam Seri Indera
Seorang perempuan baginda berputera. (r. 277).

Dinamakan Puteri Palinggam Cahaya
Kerana sangat eloknya dia
Duduklah baginda bersuka ria
Suatu malam bermimplah dia. (r. 278).

Ayahanda dipeluk ratap dibenci
Berkejaran datang lebai dan haji
Ada yang menawar setengah mengaji
Kebanyakan mereka melihat benci. (r. 294).

Pernyataan ini diperkukuhkan lagi dengan pandangan Mahyudin Al-Mudra (2010: 191-192) dalam hasil tulisannya tentang, hubungan Melayu-Jawa dalam karya sastera. Katanya *Sejarah Melayu* sudah ada menyebut bahawa adanya hubungan antara Kerajaan Tanjung Pura dengan Kerajaan Melaka apabila Kerajaan Majapahit mempunyai puteri bernama Raden Galuh Cendera Kirana yang perlu dikahwinkan. Justeru itu, Kerajaan Majapahit menjemput semua kerajaan di alam Melayu termasuklah Kerajaan Tanjung Pura, Kerajaan Melaka, Kerajaan Jambi dan Kerajaan Inderagiri untuk memperlihatkan kepandaian sebagai pemilihan untuk dibuat menantu. Akhirnya, Kerajaan Majapahit tertarik dengan kebijaksanaan pemerintah Melaka iaitu Sultan Mansur Syah lalu dikahwinkan dengan puterinya. Tidak mustahil peristiwa ini mengangkat kedudukan Melaka lalu ia cuba diaplikasikan dalam teks syair ini. Tuntasnya syair ini mampu dianggap sebagai syair panji kerana melalui latar ini ia mampu menyokong kata-kata Harun Mat Piah (1980: 142) yang menjelaskan bahawa cerita-cerita panji menggunakan latar tempat yang terkenal sebagai latar belakang ceritanya dan tempat-tempat itu disebut dalam cerita panji kerana ia mempunyai hubungan yang erat dengan sejarah Jawa dan nama-nama itu pun dapat dikesan dalam peta.

Gunung juga turut dipertunjukkan sebagai latar dalam karya syair ini dan sejumlah enam buah gunung itu, ialah Gunung Meraksa Dewa, Gunung Halia, Gunung Pelangi, Gunung Hijau, Gunung Anta Dewa, Gunung Indera Sari dan Gunung Pelangi Hijau yang diutarakan dalam syair ini. Merujuk hal ini, ia juga selari dengan bentuk muka bumi negara Jawa yang mempunyai tiga puluh satu buah gunung. Merujuk kepada pandangan Woro Aryandini. S. (2000: 115), perlambangan pergunungan ini adalah

kerana adanya satu tanggapan masyarakat Jawa bahawa pergunungan adalah tempat bersemayam roh-roh nenek moyang yang sudah bertukar menjadi dewa. Hal inilah yang dikatakan oleh beliau sebagai satu unsur kebudayaan Indonesia asli pada zaman Majapahit setelah pengaruh Hindu mula melemah. Jika melarik pernyataan Woro Aryandidin. S. gunung-gunung yang diaplikasi dalam syair ini berperanan sedemikian. Hal ini kerana gunung-gunung yang dinyatakan dalam teks syair ini adalah tempat kediaman peri. Sebagai contohnya lihat petikan berikut:

“Hai aku memberi terang
Nama ayahku raja yang garang
Mahligai Peri disebut orang
Di Gunung Halia negeri sekarang.” (r. 669).

Baginda tuan raja sakti pendekar
Mahligai dijagai jin yang mungkar
Empat puluh hulubalang yang pakar-pakar
Kepalanya menteri bandingan sukar. (r. 737).

Merujuk kepada hasil tulisan Lucas Sasongko Triyoga (1991:62) pula menyatakan bahawa Gunung Hijau adalah antara kawasan gunung-gunung yang angker.⁷ Di gunung ini ialah tempat bertapanya Kyai Hajar Merto, Eyang Broto dan Bagus Wido.⁸ Gunung ini menjadi tempat rujukan atau cara untuk mendapatkan hasil yang tidak elok⁹ seperti hasil mencuri, berjudi dan bertujuan untuk maksud jahat. Teks syair ini yang turut menyebutkan sebanyak dua kali gunung ini cuma gunung keduanya terdapat penambahan menjadi Gunung Pelangi Hijau. Gunung ini digambarkan tempat untuk Raden Panji Kusuma Wati cuba bertapa. Hasilnya, Raden Panji Kusuma Wati menemui jalan atau cara untuk menyalahkan Raden Panji Kusuma Ningrat dari istana dengan menyatakan bahawa Raden Panji Kusuma Ningrat akan membawa bala bukan sahaja untuk negara tetapi juga seluruh kehidupan lain termasuklah sumber ekonomi negara Tanah Indera ini.

Patik bermohon pada ini pagi
“Bertapa ke Gunung Hijau yang tinggi”
Sahut baginda ratu pelangi
“Apakah kehendak anakku pergi.” (r. 37).

⁷ Angker bermaksud yang menakutkan dan membahayakan kerana kawasan ini dihuni oleh segala golongan jin dan syaitan yang sangat jahat dan tidak boleh diganggu tetapi harus dihormati dengan pantang larang. Jika pantang larang dilanggar akan menimbulkan kemarahan makhluk halus di tempat itu dan mengundang kemarahannya hingga membawa kesakitan atau kematian.

⁸ Kiyai Hajar Merto, Eyang Broto dan Bagus Wido adalah penunggu atau penjaga dalam konteks makhluk halus yang mendiami dan mengawasi Gunung Hijau

⁹ Maksudnya, Gunung Hijau adalah tempat untuk mendapatkan idea atau cara untuk melakukan sesuatu kejahatan seperti mencuri, memfitnah dan sebagainya.

Kusuma Wati menjawab perlahan
“Beribu ampun ratu pilihan
Sebab anakanda demikian olahan
Mendapat khabar biku pertapaan.” (r. 48).

“Ialah Indera Kusumu Ningrat
Ialah bala memberi mudarat
Celakalah besar rosak melarat
Binasalah rakyat laut dan darat.” (r. 50).

Merujuk kepada pernyataan Lucas Sasongko Triyoga itu juga jelas menerangkan bahawa gunung itu adalah tempat untuk mendapatkan cara atau kaedah yang tidak sempurna. Lebih tepat lagi jika dikatakan gunung ini menjadi tempat pemujaan bagi mereka yang menginginkan agar hajat jahat mereka tercapai. Ini bersesuaian kerana gunung ini sendiri dihuni oleh jin dan syaitan yang sememangnya melaksanakan misi menyesatkan manusia. Terbukti bahawa menerusi teks syair ini ternyata peranan gunung ini mempunyai tugas persamaan itu dengan kedengkian Raden Panji Kusuma Wati terhadap adik tirinya Raden Panji Kusuma Ningrat. Kedengkiannya kerana Raden Panji Kusuma Ningrat dilihat bakal menguasai istana dan negara dan ini pastinya dirinya (Raden Panji Kusuma Wati) bakal tersisih. Sebelum situasi yang buruk itu berlaku ke atasnya Raden Panji Kusuma Wati terlebih dahulu mengambil langkah.

Latar masyarakat yang digarap dalam teks syair ini pastinya diselaraskan dengan latar istana yang menjadi fokus utama cerita bermula dan dikembangkan serta diakhiri. Latar masyarakat juga dapat membuktikan bahawa teks syair ini dapat digolongkan sebagai genre panji kerana cerita-cerita panji berorientasikan dunia istana dan masyarakatnya. Golongan istana itu meliputi golongan pemerintah iaitu raja atau ratu. Di samping itu juga adanya watak permaisuri atau isteri-isteri raja yang digambarkan mempunyai ramai isteri. Dalam syair ini watak Gemala Sari (ayahanda Raden Panji Kesuma Ningrat) memiliki dua orang isteri, manakala Raden Panji Kesuma Ningrat mempunyai tiga orang isteri dan Raden Panji Dewa pula juga memiliki dua orang isteri.

Di dalam hikayat disebut tentu
Dua orang isterinya ratu
Gemala Sari nama yang satu
Indera Maya keduanya itu. (r. 6).

Golongan masyarakat lain, melibatkan golongan bangsawan seperti pembesar-pembesar dan hulubalang dengan pelbagai gelaran dan pangkat. Selain itu, terdapat juga golongan masyarakat bawahan yang ditampilkan dalam syair ini iaitu watak pengasuh, inang atau dayang dan penjaja. Sebagai contoh, *Hikayat Panji Semirang* dan *Panji Naranwangsa* juga mempamer latar masyarakat yang tidak kurang bezanya, jika adapun perbezaannya hanya dalam watak penjaja. Penjaja yang mengadukan kes kecurian hasil jualan makanan kepada pemerintah negara Tanjung Pura, Raden Panji Kusuma Ningrat. Kes kecurian itu diselesaikan oleh Raden Panji Kusuma Ningrat dengan bijaksana

melalui hukuman dan bayaran. Raden Panji Kusuma Ningrat bukan sahaja membayar keseluruhan kerugian penjaja itu tetapi juga memberikan jumlah bayaran yang lebih besar dari kerugian yang dialami penjaja tersebut. Pencuri makanan itu pula dihukumkan menjadi gembala kambing istana dan tanpa baginda ketahui bahawa yang menerima hukuman itu adalah abang tirinya, Raden Panji Kusuma Wati.

Selaras dengan latar masyarakat iaitu golongan istana yang menjadi penggerak jalan cerita dalam syair ini, ternyata latar peralatannya juga selari *material-culture*¹⁰ berpusatkan masyarakat Jawa keraton. Alat-alat berkenaan dijeniskan kepada lima kategori iaitu alat muzik yang terdiri daripada rebab dan biola, alat kenaikan seperti gajah, pedati, kuda, kapal, manakala alat peperangan ialah meriam, tombak, cemeti, panah, pedang, parang, keris, semambu. Alat perhiasan, terdiri daripada kendi, mahkota, cembul, anakan dan pakaian pula seperti tengkolok, ikat pinggang, tanjak serta makanan seperti sirih, pinang, gambir, delima dan sagu. Membicarakan tentang alatan ini dapatlah disimpulkan alatan yang digunakan ini sesuai dengan keadaan, suasana, peristiwa dan masyarakat yang dilukiskan. Walau bagaimanapun, teks syair ini memperlihatkan sedikit kemodenan iaitu pada penggunaan kapal sebagai pengangkutan dan meriam sebagai salah satu alatan perangnya. Tegasnya, dua persamaan yang dibincangkan ini iaitu latar masa yang panjang dan latar alatan yang dijeniskan ini dilihat turut dapat dijadikan ciri bahawa syair yang dikaji adalah dalam kategori panji. Dalam hal ini pastinya teks *Syair Cendawan Putih Adanya* dalam satu keserupaan dan kekeluargaan.

Latar masa perjalanan cerita syair ini memakan masa yang panjang. Diandaikan mengambil tempoh hampir puluhan tahun lamanya. Hal inilah juga yang dijelaskan oleh Abd Rahman Kaeh dalam kajiannya terhadap teks *Panji Narawangsa* bahawa "...cakupan keseluruhan jangka masa dalam cerita ini tidak dapat dipastikan lamanya. Walau bagaimanapun ia tidak bermakna tidak mengetahui sebarang latar waktu dalam cerita. Hal ini kerana pengarang akan mengenalkan waktu mungkin dalam tahun, bulan, hari, masa dan jam" (1989:161). Andaian bahawa cerita ini mungkin berlaku dalam tempoh berkenaan merujuk kepada generasi-generasi watak yang dikembangkan, bermula dengan watak Gemala Putera yang baru berputerakan Raden Panji Kesuma Ningrat. Kemudian cerita ini dikembangkan dengan pengembaraannya dan diteruskan pula dengan pengembaraan watak anaknya Raden Panji Dewa. Teks syair ini yang telah diprosakan oleh Ehsan Kastawi menjelaskan tempoh tahun bermulanya pengembaraan Raden Panji Dewa dikatakan sudah mencecah "...dua puluh tahun tahun kemudian"(1964:930). Dalam latar tempoh masa yang panjang ini latar masa lain turut digarap bersama iaitu tempoh mengandung dan bersalin.

Tiada berapa selang antara
Hamillah Puteri Indera Maya
Barulah datang kasih betara
Sebarang kehendak dicari segera. (r. 11).

¹⁰ Lihat Abd Rahman Kaeh, (1989: 162-163).

Masuk sekalian bini menteri
Persembahkan idamnya setiap hari
Hingga sampai bulannya puteri
Geringlah konon permaisuri. (r. 13).

Adanya latar hari dan malam yang menceritakan tempoh masa yang dilalui oleh Indera Maya ketika perjalanannya di hutan setelah dinyahkan dari istana. Hanya tempoh itu yang dapat ditemani oleh hulubalang dan mereka perlu kembali ke istana. Tempoh hari pula ditemui sewaktu Raden Panji Kesuma Ningrat kembali dari Tanjung Pura menuju ke Padang Telaga Naga untuk menemui semula ibunya. Tempoh perjalanannya itu diambil kira-kira tujuh hari untuk Raden Panji Kusuma Ningrat bertemu dengan Puteri Ratna Sari di pohon beringin.

Berjalan tiada lancar pakan kelam
Kira-kira empat hari dan malam
Berhenti di hutan Sri Pualam
Berhentilah Demang pengalasan malam. (r. 71).

Jawab baginda “Apa salahnya”
Berjalanlah ia merbah sertanya
Kira-kira tujuh hari malamnya
Bertemulah beringin sangat besarnya. (r. 208).

Tegasnya bahawa daripada tiga teks panji¹¹ yang diturut ditekuni menemukan bahawa tempoh masa jalan cerita panji yang diambil adalah panjang.

Pemilihan penggunaan bahasa Jawa dalam konteks golongan kata di atas ini sesuai dan selaras dengan nama watak, masyarakat dan latar juga jalan ceritanya. Andai pengarang hanya mengambil sebahagian penggunaan bahasa atau bahasa yang berbeza ia akan melahirkan satu bentuk karya yang tidak menarik. Hal ini juga jelas membuktikan karya ini dilahirkan oleh pengarang yang bijaksana. Melalui penggunaan bahasa Jawa dalam karya ini, Umar Junus menetapkan bahawa telah jelas bahwa syair ini adalah dibawah kelompok karya panji kerana menurutnya “... terdapatnya penggunaan bahasa Jawa bermakna sesebuah karya itu sudah dapat dikatakan berada di bawah pengaruh Jawa” (1969:19).

5.0 KESIMPULAN

Hasil penelitian ini menemukan bahawa teks syair ini sememangnya sarat dengan unsur Jawanya. Unsur-unsur Jawa itu ditemui bukan sahaja pada penggunaan bahasa yang dijadikan pengantar dalam usaha pengarang mempersembahkan karya ini tetapi juga pada nama-nama watak pelaku yang berteraskan Jawa malah bermakna dan berpengertian juga Jawa. Begitu juga dengan pemilihan perkataan baik pada kata nama, kata kerja mahupun kata adjektifnya. Ditambah pula dengan pemilihanan latar yang menjadikan suasana perjalanan cerita yang berkonsepkan dari negara yang sama, biarpun terdapat juga sedikit

¹¹ *Panji Semirang, Syair Ken Tambuhan dan Panji Narawangsa.*

campurbauran latar tempat yang diolah atau direka pengarang tetapi masih bercirikan Jawa jua. Pengarang syair ini juga pastinya tidak meninggalkan nilai dan budaya Jawa dalam karyanya ini. Justeru itu, nilai etika, stratifikasi sosial, kebersamaan, ethok-ethok dan Citra Bima ditonjolkan. Tuntasnya, baik dari segi bahasa, latar dan nilai dalam karya ini adalah berkiblatkan kejawaan.

Adanya babak-babak penyamaran dan inkarnasi ini dalam *Syair Cendawan Putih Adanya* adalah satu pembuktian untuk menentukan keberadaan teks syair ini dalam kategori kategori Panji. Hal ini dengan bertunjangkan model Harun Mat Piah (1980) iaitu ciri-ciri yang seharusnya ada dalam sesebuah karya untuk menentukan kedudukan teks berkenaan dalam kategori Panji. Dalam penelitian penyamaran dan inkarnasi ini, ciri keempat dalam model beliau menjadi bahan aplikasi dengan merujuk kepada, dalam X terdapat babak-babak yang berhubungan dengan penjelmaan dan inkarnasi. Maksudnya, adakah dalam karya yang diteliti mengandungi dua unsur ini iaitu penjelmaan dan inkarnasi. Hasil penelitian jelas ditemukan dua unsur ini dalam karya *Syair Cendawan Putih Adanya*. Selain itu, diperkukuhkan pula dengan persamaan teks Panji lainnya untuk mengesahkan lagi keberadaan syair ini dalam kategori Panji. Apatah lagi penyamaran dan inkarnasinya pula dilihat mempunyai persamaan dengan teks-teks panji lain yang ditekuni seperti *Hikayat Panji Semirang* sebagai contoh. Ada penyamaran sebagai rakyat biasa, penyamaran daripada lelaki kepada wanita dan inkarnasi dalam bentuk raksaksa, bota dan binatang lain seperti lipan dan burung nuri.

Sumbangan Pengarang

Ibrahim, R., Radzi, S.B,M, Hassan,Z., Pengenalan, metodologi dan draf awal,perbincangan, semakan dan suntingan draf akhir.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Naskhah *Syair Cendawan Putih Adanya*. PL 5178.2 C4 S9.
- Abd. Rahman Kaeh. 1993. *Sastera Panji*. Dlm. Zalila Sharif & Jamilah Ahmad. (pnyt.). *Kesusasteraan Melayu tradisional*, hlm. 206-249. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Kaeh. 1989. *Panji Narawangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain. 1996. *Perancangan bahasa: sejarah aksara jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Razak bin Ab.Karim. 2006. Iluminasi dan kaligrafi warkah Melayu. Dlm. *Kumpulan kertas kerja seminar antarabangsa manuskrip Melayu, melestarikan*

- manuskrip Melayu warisan agung*.hlm 170-175. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abd Rahman Hamzah. 2008. *Khat dan jawi mutiara kesenian Islam sejagat*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Mara.
- Abu Hassan Sham. 1987. Pengarang di kalangan bangsawan Bugis di Riau. Dlm. Siti Hawa Haji Salleh. (pngr.). *Cendekia kesusasteraan Melayu*, hlm. 189-193. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hassan Sham. 1995. *Syair-syair Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abu Hassan Sham. 1997. Langkah-langkah memasyarakatkan manuskrip Melayu. Dlm. *Tradisi penulisan manuskrip Melayu*, hlm. 265-269. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Wachid B.S. 2007. Harmoni dalam budaya Jawa (Dimensi Edukasi dan keadilan gender). Yogyakarta: Stain Purwokerto Press.
- Annabel, G.T. 2002. Seni hias manuskrip Melayu. Dlm. *Warisan manuskrip Melayu*, hlm. 235-258. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Dzulkarnain bin Haji Abdul Rahman. 1970. Sha'er Cendawan Putih: Analisa dan kajian teks. Latihan ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Univeristi Malaya.
- Ehsan Kastawi. 1951. *Kesah Chendawan Putih*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ensiklopedi Sunda Alam, Manusia, dan Budaya termasuk Budaya Cirebon dan Betawi. 2000. Jakarta: Pustaka Antara.
- H.B Jassin & Zuber Usman. 1968. *Tjerita Pandji dalam perbandingan*. Terj. Poerbatjaraka. Jakarta: Gunung Agung.
- Hamdan Abdul Rahman. 1999. *Panduan menulis dan mengeja jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Jaafar. 2004. *Ikhtisar kebudayaan dan prosa Melayu klasik*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Harun Mat Piah. 1980. *Cerita-cerita Panji Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu tradisional: satu pembicaraan genre dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. 2002. Puisi Melayu tradisional. Dlm. *Warisan manuskrip Melayu*, hlm. 150-155. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Harun Mat Piah. 2006. Sastera rakyat dlm. *Kesusasteraan Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. 2008. Hikayat Cendawan Putih. Dlm. Rogayah Hamid. (pnyt.). *Intisari sastera klasik jilid 2*, hlm. 462. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. 2006. *Sejarah perkembangan tulisan Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harmanto Bratasiwara. 2000. *Bauwarna adat tata cara Jawa*. Jakarta: Yayasan Suryasumirat.
- Hamdan Abdul Rahman. 1999. *Panduan menulis dan mengeja jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lucas Sasongko Triyoga. 1991. *Manusia Jawa dan gunung merapi: persepsi dan sistem kepercayaan*. Yogyakarta: Penerbit Mada Universiti Press.
- L. Mardiwarsito. 1978. *Kamus Jawa Kuna-Indonesia*. Jakarta: Penerbit Nusa Indah.

- Maimunah Othman. 1992. *Hikayat Cendawan Puteh: Satu kajian teks*. Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Bukhari Lubis et.al. 2006. *Tulisan jawi sehimpun kajian*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti.
- Metodologi penyelidikan*. 2000. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Rosli Saludin. 2007. *Seni berpuisi*. Pulau Pinang: Goal Intelligent Publishing.
- Mahmood Haji Awang. 2009. *Panduan menulis dan kaedah mengajar khat nasakh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusuf Md. Nor. 2000. Ciri-ciri cerita Panji. *Dewan Sastera*. Oktober:
- Mahyudin Al-Mudra. 2010. Hubungan Melayu-Jawa dalam karya sastera dlm. Noriah Mohamed et.al. *Kreativiti minda Melayu-jawa dalam khazanah bahasa, sastera dan budaya*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Maryono Dwiraharjo. 2001. *Bahasa Jawa Krama*. Surakarta: Penerbit Pustaka Cakra Surakarta.
- Mangantar Simanjuntak. 1985. Pendekatan psikolinguistik kognitif dalam pengajaran membaca permulaan". Kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar kebangsaan-Permanfaatan beraneka pendekatan pengajara bacaan asas bagi situasi bilik darjah di Malaysia (2-3 Mac). Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mulder, N. 1983. *Kebatinan dan hidup sehari-hari orang Jawa*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Mu'jah, et.al. 2003. *Citra wanita dalam hikayat Panji Melayu*. Jakarta: Pusat Bahasa Deparmen Pendidikan Nasional.
- Noriah Mohamed. 1993. *Jayangbaya memahami pemikiran orang Jawa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriah Mohamed. 2005. *Sastera Panji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir. 2005. *Teori bahasa implikasi terhadap pengajaran tatabahasa*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pengajian Malaysia sejarah Tanah Melayu*. 2010. Petaling Jaya: International Law Book Sevices.
- Panuti Sujidman. 1995. *Filologi Melayu*. Jakarta: Pustaka Antara.
- Purwadi. 2003. *Kamus Jawa Indonesia*. Yogyakarta: Penerbit Widyatama.
- Poerbatjaraka. 1952. *Keperpustakaan Djawa*. Yogyakarta: Penerbit Djambatan.
- Poerbatjaraka. 1975. *Tjerita-trjerita Pandji dalam perbandingan*. Djakarta: Keperpustakaan Indonesia.
- Prawiroatmodjo, S. 1957. *Sastra Djawa-Indonesia*. Surabaya: Express & Marfiah.
- Prawiroatmodjo, S. 1981. *Bausastra Jawa-Indonesia*. Jakarta: Gunung Agung.
- Rattiya Salleh. 1988. *Panji Thai dalam perbandingan dengan cerita-cerita panji Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogayah Hj Mad Yassin, Ding Ten Moi, Che Salamah Mustapha, Zuraidah Abdullah, mohd Ghazali Abbas, Abu Bakar Maidin & Thuraiyah Nadrah Hj Ghazali. 1990. *Katalog koleksi Melayu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hawa Hj Salleh (pngr.). 1987. *Cendekia kesusasteraan Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Hj Salleh. 1992. *Kumpulan esei sebutir pasir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Siti Hawa Hj Salleh. 1997. *Kesusasteraan Melayu abad kesembilan belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Mariani S.M.Omar. 2002. Manuskrip Melayu satu pengenalan dlm. *Warisan manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- S.A. Mangunsuwito. 2002. *Kamus lengkap bahasa Jawa: Jawa-Jawa, Jawa-Indoensia, Indoensia-Jawa*. Bandung: CV. Yrama Widya.
- S. Sirajuddin A.R. 1985. *Seni kaligrafi Islam*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Tenas Effendy. 2007. Tunjuk ajar dalam pantun Melayu. Prosiding seminar pantun Melayu, semalam, hari dan esok. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 6-7 Disember.
- Umar Junus. 1969. *Ulasan dan kajian Hikayat Panji Semirang*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru.
- Wahyunah Abd Ghani. 2005. *Hikayat Cendawan Putih*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Woro Aryandini.S. 2000. *Citra Bima dalam kebudayaan Jawa*. Jakarta: penerbit Universitas Indonesia.
- Zuber Usman & H.B. Jassin. 1968. *Cerita panji dalam perbandingan*. Jakarta: Gunung Agung.
- Zeotmulder, P.J. 1983. *Kalangwan: Sastera Jawa Kuno selayang pandang*. Yogyakarta: Penerbit Djambatan.
- Zoetmulder, P.J. et.al. 1995. *Kamus Jawa Kuno-Indonesia*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.